

<b>Headline</b>	<b>Selangor juara Liga Hoki Piala Ketua Polis Negara - TNB</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Harian Metro</b>		
<b>Date</b>	<b>15 Jul 2019</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>112,705</b>	<b>Readership</b>	<b>338,115</b>
<b>Section</b>	<b>Arena</b>	<b>Page No</b>	<b>68</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>129 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>Dziyaul Afnan</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 15,186</b>		



## Selangor juara Liga Hoki Piala Ketua Polis Negara-TNB

**Dziyaul Afnan Abdul Rahman**  
[bhnews@NSTP.com.my](mailto:bhnews@NSTP.com.my)

**Kangar:** Selangor muncul juara Liga Hoki Piala Ketua Polis Negara - TNB 2019 selepas membenam juara bertahan, Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur (PULAPOL) 8-2 pada aksi final di Stadium Hoki Kangar, semalam.

Muhammad Rahimi Iskandar muncul wira Selangor apabila menyumbat empat daripada lapan gol Selangor pada perlawanan berkenaan.

Gol pertama Selangor muncul pada awal permainan menerusi Mohd Azmer Mohd Kamal sebelum PULAPOL menyamakan kedudukan pada minit ke-7 hasil pukulan sudut penalti yang disempurnakan bekas pemain kebangsaan, Baljit Singh.

Selangor menggandakan usaha dan berjaya menjarakkan jurang selepas memperoleh gol kedua pada minit ke-9, 18 dan 40 dengan masing-masing dijaringkan Mohd Azmer, Mohd Faizal Reza Mohd Nor dan Mohd Fuad Azis.

Selangor melengkapkan kemenangan bergaya selepas Muhammad Rahimi meledak empat gol pada suku ketiga dan keempat perlawanan meskipun PULAPOL berjaya memperoleh gol kedua hasil jari-jangan Baljit.

Jurulatih Selangor, Mohd Zaki Hushariq berkata, persefahaman tinggi antara pemainnya membawa hasil yang mendorong kemenangan berkenaan.

"Tahun lalu kami kecung-dang di suku akhir. Tahun ini kami berjaya muncul juara. Meskipun kehilangan beberapa tonggak, namun pemain muda yang menyertai pasukan kali ini bermain baik dan menyuntik semangat," katanya ketika ditemui selepas perlawanan.

Sementara itu, dalam saingan Liga Divisyen Satu, Kellantan menewaskan Melaka 3-2.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Timbalan Pengarah Cawangan Khas 2 Bukit Aman, Datuk Rosly Abas dengan diiringi Ketua Polis Perlis, Datuk Noor Mus-har Mohd.